

Unjuran ekonomi 2018 naik 5.5-6.0 peratus

BERITA HARIAN 29/3/18 MJ/S 27

Semua sektor ekonomi dijangka akan terus catatkan pertumbuhan kukuh. Sektor perkilangan dan perkhidmatan akan terus menyumbang utama pertumbuhan.

Permintaaan domestik akan terus berkembang dengan pencetus (kenaikan) selanjutnya daripada sektor luaran”

→ **Kadar inflasi tahun ini dijangka sederhana**

pengukuhan eksport yang mendoza lebihan akaun semasa yang mapan. Selain itu, kadar inflasi keseluruhan juga dijangka menjadi sederhana pada tahun ini.

Pada tahun lalu, ekonomi negara ini mencatat kadar peningkatan keluaran dalam negara kasar (KDNK) luar jangkaan iaitu pada paras 5.9 peratus.

Gabenor BNM, Tan Sri Muhammad Ibrahim, berkata semua sektor ekonomi dijangka akan terus mencatatkan pertumbuhan kukuh.

Beliau berkata, sektor perkilangan dan perkhidmatan akan terus menjadi penyumbang utama pertumbuhan.

“Permintaaan domestik akan terus berkembang dengan pencetus (kenaikan) selanjutnya daripada sektor luaran.

“Penggunaan isi rumah kekal

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Hazwan Faisal Mohamad bbbiz@NSTP.COM.MY

Bank Negara Malaysia (BNM) menaikkan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tahun ini kepada 5.5-6.0 peratus daripada 5.0-5.5 peratus sebelumnya.

La susulan pengembangan berterusan permintaan dalam negara dan sektor ekonomi utama serta

disokong oleh persekitaran pasaran buruh yang baik,” katanya pada Taklimat Laporan Tahunan 2017 dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2017 di Kuala Lumpur semalam.

Momentum pertumbuhan yang kukuh, kata BNM, juga akan disokong oleh limpahan positif yang berterusan daripada sektor huaran kepada aktiviti ekonomi dalam negeri.

Permintaan global beri manfaat

Prestasi perdagangan Malaysia akan mendapat manfaat daripada permintaan global yang mengalakkan, dedahan kepada kitaran teknologi global, dan kapasiti pengeluaran eksport baharu.

Di dalam negera, pertumbuhan pendapatan dan guna tenaga yang

berterusan akan mengekalkan perbelanjaan isi rumah yang mampu, yang disokong pula oleh langkah kerajaan yang berterusan dan sentimen pengguna yang bertambah baik.

Aktiviti pelaburan swasta juga dijangka dapat dikekalkan melalui perbelanjaan modal bagi projek yang sedang dilaksanakan dan projek baharu, dalam keadaan sentimen permulaan yang meningkat. Sebaliknya, perbelanjaan sektor awam dijangka sederhana berikutan usaha konsolidasi fiskal yang berterusan dan beberapa projek utama oleh syarikat awam yang hampir siap.

Mengenai kadar inflasi, BNM menggunakan inflasi keseluruhan dijangka pada purata antara 2.0-3.0 peratus tahun ini berbanding 3.7 peratus tahun lalu, yang mana unjuran itu lebih rendah berbanding unjuran sebelumnya sebanyak 3.0 peratus dan 3.5 peratus.

Meninjau ke hadapan, Muhammad Ibrahim berkata, kepelbagaian sumber pertumbuhan, pasaran eksport dan produk serta rizab antarabangsa yang mencukupi adalah faktor yang menyokong kedujuhan negara ini dalam berdepan cabaran tidak menentu.

Kadar tukaran asing yang fleksibel juga turut menyumbang kepada ketahanan ekonomi negara dalam berdepan kejutan dan ketidaketuan global.

“Kemungkinan kejutan pada 2018 masih peningkatan perindustrian perdagangan, peralihan dasar monetari dalam ekonomi utama

KDNK BENAR MENGIKUT PERBELANJAAN (2010=100)

	2017a	2017r	Perubahan tahunan (%)	2017a	2017r	Sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)
% daripada KDNK	92.2	6.5	5.7	6.0	6.0	5.3
	71.2	7.5	7.6	5.3	5.3	5.4
Permintaaan Dalam Negeri ¹	53.7	7.0	7.2	3.7	3.7	3.8
Perbelanjaan sektor swasta	17.4	9.3	9.1	-1.6	-1.6	1.6
Penggunaan	21.0	3.3	-0.9	0.7	0.7	-0.2
Perbelanjaan sektor awam	13.0	5.4	0.6	0.7	0.7	0.1
Penggunaan	8.0	0.1	-3.2	0.0	0.0	-0.3
Perbelahan dalam stok	0.0			0.0	0.0	0.0
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan	7.8	-1.1	5.5	-0.1	-0.1	0.4
Eksport	72.9	9.6	8.8	6.7	6.7	6.4
Impor ²	65.1	11.0	9.1	6.8	6.8	5.9

Muhammad Ibrahim,
Gabenor BNM

